

Pilihanraya bila-bila masa — Dr. Mahathir

U.M 10 JUN 1994

Oleh HASSAN MOHD. NOOR
dan TUKIRAN KITAM

MUAR 9 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, suasana negara yang stabil, aman dan keadaan ekonomi pada hari ini amat menggalakkan bagi Barisan Nasional (BN) untuk mengadakan pilihanraya umum pada bila-bila masa.

Menurut Perdana Menteri, melihat daripada segi pertumbuhan ekonomi, kestabilan politik, keamanan, perhubungan antara kaum, pertumbuhan di dalam kawasan bandar dan luar bandar, semuanya adalah amat menggalakkan untuk diadakan pilihanraya.

“Di waktu ini tidak ada apa-apa halangan untuk mengadakan pilihanraya,” katanya kepada pem-

berita selepas menghadiri jamuan tengah hari bersama pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) Johor di Dewan Jubli Intan di sini hari ini.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN dalam ucapannya sebelum itu turut menyentuh soal pilihanraya umum yang boleh diadakan pada bila-bila masa dan meminta seluruh anggota parti bersiap sedia sepanjang masa untuk menjamin kejayaan.

Dr. Mahathir yang yakin dengan keupayaan BN dalam pilihanraya umum akan datang bagaimanapun berkata, kerajaan yang ada sekarang mempunyai tempoh sehingga lima tahun dan akan menggunakan tempoh yang ada untuk menjalankan tugas.

■ Lihat muka 2

Pilihanraya bila-bila masa — Dr. Mahathir

"Kalau kerap pilihanraya, ia akan menjadi satu kos kepada negara dan kita tidak mahu main-main mengenai pilihanraya iaitu apabila melihat keadaan akan menang kita adakan pilihanraya," ujarnya.

Menurutnya, suasana negara yang diwujudkan oleh kerajaan sekarang bukanlah bertujuan untuk mengadakan pilihanraya.

Pilihanraya, katanya diadakan untuk membolehkan sebuah kerajaan menjalankan tanggungjawab bukannya seperti sesetengah pihak yang apabila disebut pilihanraya akan membuat berbagai-bagai usaha untuk memburukkan kerajaan.

Oleh itu, katanya, apa yang penting sekarang ialah BN bersiap sedia menghadapi pilihanraya.

"Sementara kita bercakap tentang kemenangan 100 peratus, jangan lupa disiplin dan kesanggupan untuk mendukung parti. Yang penting tiap seorang daripada kita mesti bersatu padu dalam keadaan sekarang, apa juga pendirian, pendapat dan kedudukan kita, persediaan untuk pilihanraya mesti dilakukan," tegasnya.

Beliau mengingatkan bahawa BN ingin bertanding untuk mendapatkan peluang menjadi kerajaan bukannya untuk berbangga dengan kedudukan

sebagai pemimpin seperti Menteri Besar, Ketua Menteri, Exco dan sebagainya.

"Tetapi tujuan kita ialah untuk mendirikan kerajaan yang boleh berkhidmat untuk negara, rakyat dan kebahagiaan kita semua. Inilah tujuan kita, bukannya berniat untuk memegang jawatan," ujarnya.

Menurut Dr. Mahathir, menyedari tanggungjawab terhadap rakyat, berbagai rancangan dibuat dan dilaksanakan oleh kerajaan dengan sokongan jentera kerajaan serta parti-parti komponen BN.

"Jelas sekali pendekatan yang dibuat ini adalah pendekatan yang baik dan hasilnya boleh dilihat oleh kita semua serta mendapat pengiktirafan dunia.

"Hakikatnya, Bank Dunia, negara-negara asing menunjukkan Malaysia sebagai contoh keamanan, keselamatan, perhubungan yang baik antara kaum, pembangunan, pentadbiran yang cekap dan kita menjadi contoh kerana rakyat memilih kerajaan yang berkeupayaan untuk memimpin negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara tidak akan menjadi contoh kepada dunia sekiranya rakyat terdorong atau terpengaruh oleh sentimen, emosi dan pandangan yang sempit serta memilih wakil

rakyat yang bukan kerana kebolehan, tetapi kerana sebab-sebab lain.

Menurut Perdana Menteri, pemimpin parti peringkat cawangan dan bahagian sedar akan tanggungjawab untuk memilih kerajaan yang boleh membangunkan negara, menentukan negara aman, stabil dan tidak ada masalah perkauman dan lain-lain.

Perdana Menteri mendedahkan terdapat puak-puak yang ekstrim terhadap kaum dan agama dan mereka ini cuba mencungkil perasaan benci kepada orang lain untuk mencari sokongan bagi kepentingan diri sendiri.

"Mereka akan membangkitkan bermacam isu untuk menimbulkan perasaan benci, marah kepada orang lain supaya apabila rakyat marah kepada orang lain mereka akan mendapat sokongan," katanya.

Menurutnya, sebenarnya, mereka ini tidak ada rancangan untuk membangun negara tetapi hanya ingin menggantikan tempat orang lain yang dianggap tidak menjalankan tugas dengan betul, tidak memegang ajaran agama dan sebagainya.

Bagaimanapun katanya, apabila mereka memerintah, negara mereka menghadapi kucar kacir dan tidak dapat dibangunkan sebaliknya akan menyiahihkan orang lain pula.